

**PEMIKIRAN METAFORIKAL DI DALAM ESEI PELAJAR  
MENGIKUT ANALISIS HERMENEUTIK**

**OLEH**

**RAJALETCHUMI A/P THALIAH**

**Tesis Yang Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan  
Bagi Ijazah Sarjana Pendidikan**

**Mei 1998**

651

713414

N6

PN228

M4 R161

1999

## **PENGHARGAAN**

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Dr.K.Loganathan kerana sudi menjadi penyelia saya serta membimbing saya ke alam metaforikal. Saya amat terhutang budi ke atas keperihatinan beliau serta dorongan yang diberikan sehingga tesis ini dapat disempurnakan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr.Mustafa Kassim, Dekan dan pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang memberikan komen-komen yang membina dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana sudi memberikan Biasiswa serta Jabatan Pendidikan Teknikal yang membenarkan saya mengikuti Program Ijazah Sarjana Pendidikan secara penuh masa. Ribuan terima kasih saya panjangkan kepada En.Idris bin Buyong, bekas Pengetua Sek. Men. Teknik Arau, Perlis yang memberikan kerjasama dalam mengikuti ijazah lanjutan serta pengurusan memohon biasiswa.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Pn.Zarina bt. Md. Zain dan Pn.Faridah bt. Ahmad yang membantu mengumpulkan data. Pn.Jenny

dari PPIP, Pn. Rabitah Hassan dan Che Mazlina dari IPS yang menerangkan hal-hal pentadbiran dan Che Maimunah, Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia dalam urusan biasiswa.

Ramai rakan-rakan yang banyak membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menghadapi pelajaran dan penyelidikan dengan selesa. Bagi semua yang saya tidak dapat perturunkan nama satu persatu di dalam ruang yang terhad ini saya ucapkan jutaan terima kasih.

Turut dikenang di dalam lembaran ini adalah ahli-ahli keluarga, ibu Puan Meena dan bapa En. Thaliah@Dalliah yang jasa mereka hanya Tuhan yang dapat membalasnya. Suami En. Manoharan serta abang En. Kasiraja yang banyak membantu dalam keadaan-keadaan terdesak serta sentiasa memberikan motivasi dalam menyempurnakan tesis ini. Anak-anak Kanagesh dan Tharaniya yang menjadi sumber ilham dan penghibur sewaktu pencarian ilmu yang tidak ternilai ini.

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>Halaman</b>
Halaman Judul	i
Penghargaan	ii
Kandungan	iv
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	ix
Abstrak Bahasa Malaysia	x
Abstrak Bahasa Inggeris	xii

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Tujuan Kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Batasan Kajian	15
1.7 Definisi Istilah	16

### **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	19
2.2 Teori Perkembangan Kognitif	19
2.3 Persoalan Metaforikal	25
2.3.1 Metafora Sebagai Komunikasi	31
2.3.2 Penggunaan Metafora Dalam Mendapat Informasi Baru	32
2.3.3 Metafora Menggambarkan Budaya	35
2.3.4 Pemahaman Metafora dan Aspek Kognitif	35
2.4 Teori-Teori Metafora	37
2.4.1 Aristotle : Teori Klasik	38
2.4.2 I.A Richards : Teori Interaksi Awal	39
2.4.3 Max Black : Teori Interaksi	41
2.4.4 Lakoff dan Johnson	43
2.4.5 Teori Metafora Ricoeur	45

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	53
3.2	Pendekatan Hermeneutik	53
3.3	Ciri-Ciri Pendekatan Hermenutik	55
3.4	Onto-Enigma dan Onto-Pretasi	56
3.5	Persoalan Ontologikal	58
3.6	Struktur Dalam dan Struktur Luaran	60
3.7	Konsep Pemahaman Dalam Pendekatan Hermeneutik	65
3.8	Realibiliti dan Validiti	70
3.9	Kajian Lepas Di Malaysia Yang Pendekatan Hermeneutik	72
3.10	Prosidur Kajian	76
3.11	Penganalisaan Data	80
3.12	Proses Pengesanann Jenis Metafora	85

## **BAB 4 HASIL DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	88
4.2	Metafora Dalam Esei Yang Dikumpul	88
4.3	Pola Kewujudan Metafora	97
4.4	Jenis-Jenis Metafora	99
4.5	Unsur-Unsur Metafora	102
4.6	Struktur Dalaman dan Luaran	106
4.7	Metafora Sebagai Kunci Pemahaman	115
4.8	Pembaca dan Teks	118
4.9	Motivasi Dalam Penglahiran Metafora	125
4.10	Niat Psikologi Penulis	131

<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	162
5.2	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	162
5.3	Cadangan Penyelidikan	166
5.4	Kesimpulan	167
 <b>BIBLIOGRAFI</b>		172
 <b>LAMPIRAN DATA</b>		181

## **SENARAI JADUAL**

<b>PERKARA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
JADUAL 3.1	Perbezaan Di antara Persoalan Ontikal dan Ontologikal	59
JADUAL 3.2	Perbezaan Ciri Di Antara Sains Positivistik dan Hermeneutik	71
JADUAL 4.1	Tabung Pemilihan Tajuk Esei	89
JADUAL 4.2	Bilangan Metafora Dalam Setiap Tajuk	89
JADUAL 4.3	Motivasi Ke Arah End-In-Sight	126

## **SENARAI RAJAH**

<b>PERKARA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 3.1	Proses Onto-Pretasi	57
Rajah 3.2	Persoalan Ontologikal Ke Arah Pemahaman	58
Rajah 3.3	Kewujudan Serentak Struktur Dalam dan Luaran	60
Rajah 3.4	Konsep Pemahaman Di Dalam Pendekatan Hermeneutik	67
Rajah 3.5	Lingkaran Hermeneutik Gummesson	68
Rajah 3.6	Logik Di Dalam Sains Hermeneutik	69
Rajah 3.7	Skima Organisasi Episodik	73
Rajah 3.8	Aplikasi Operasi Kajian Metafora	81
Rajah 3.9	Model Interpretasi Metafora Sebagai Kunci Pemahaman Teks Dan Niat Psikologi Penulis	83
Rajah 4.1	Operasi Pemahaman Teks	116
Rajah 4.2	Pemahaman Metafora	117
Rajah 4.3	Motivasi Dalam Penulisan	124
Rajah 4.4	Hubungan Di Antara Motivasi dan Metafora	126
Rajah 4.5	Motivasi Mendasari Penghasilan Metafora	130
Rajah 4.6	Implikasi Niat Penulis Dalam Penulisan	132
Rajah 4.7	Metafora Sebagai Landasan Pemahaman	142

<b>PERKARA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 4.8	Aplikasi Model Lingkaran Gummesson Ke Atas Esei	144
Rajah 4.9	Kecekapan Metaforik	148
Rajah 4.10	Implikasi Kecekapan Metaforik	152
Rajah 4.11	Hubungan Di Antara Budaya, Emosi, Persepsi dan Metafora	157

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengesan dan menafsirkan pemikiran metaforikal di dalam eseи pelajar. Kajian ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada jenis-jenis metafora dan unsur-unsur yang mendasari penglahirannya malahan meneroka ke arah metafora sebagai kunci pemahaman eseи.

Tumpuan utama diberikan kepada peranan metafora dalam memantapkan eseи. Selain daripada itu, kajian-kajian lepas mengenai metafora dan pemikiran metaforikal diteliti. Pendekatan Hermeneutik digunakan untuk memahami lagi pemikiran metaforikal di dalam eseи pelajar. Metafora yang jenis ontologikal sahaja yang dianalisa.

Banyak dapatan-dapatan menarik yang tersirat di dalam eseи pelajar ditemui. Pengkaji mendapati, bukan ayat atau frasa sahaja yang bersifat metaforikal tetapi juga keseluruhan perenggan atau eseи adakalanya bersifat metaforikal juga. Aplikasi konsep-konsep Hermeneutik membolehkan pengkaji mendalami serta meneroka persepsi individu terhadap karyanya. Metafora menjadi kunci pemahaman sesuatu teks apabila dianalisa melalui pendekatan Hermeneutik.

Didapati juga pemikiran metaforikal sangat penting dalam pendidikan, terutama sekali dalam mengekspresi idea dalam konteks menghubungkaitkannya dengan pengalaman. Pemahaman ke atas metafora membolehkan pembaca memahami esei pelajar dengan lebih jelas lagi dan begitu juga pemahaman ke atas teks atau esei pelajar mengupayakan pembaca memahami maksud metafora. Elemen seperti motivasi, emosi, pengalaman dan budaya mendasari penglahiran metafora.

Melalui analisis Hermeneutik maksud tersirat metafora yang bersifat ontologikal dapat diketengahkan dan seterusnya membuka jalan untuk memahami metafora dengan lebih mendalam lagi atau metafora boleh dianggap sebagai mikroteks dan teks adalah makrometafora. Keupayaan menguasai metafora membolehkan pelajar mengawal minda ke arah kecemerlangan samada dalam bidang penulisan atau pemikiran. Ciptaan susunan dan gaya dapat melahirkan keutuhan wacana dan ini dapat diperkuuhkan lagi dengan memasukkan unsur metafora.

## **METAPHORICAL THINKING IN STUDENTS ESSAYS ACCORDING TO HERMENEUTIC ANALYSIS**

### **ABSTRACT**

Metaphorical thinking and metaphors are now becoming a popular topic in the discipline of cognitive science. Metaphors and related topics are discussed in the field of linguistics, psychology, computer science and education. In this paper, what is a metaphor and metaphorical thinking are explained in relation to past research in this area. However Hermeneutics approach is used in this research to get a better understanding of the essays. Types of essay which contains metaphor, types of metaphor, the intention of the writer accordingly regarding certain issues, ideas and so forth are investigated.

The central problem of Hermeneutics is that of interpretation. The interpretation of metaphor pave the way to understand the writer's intention and opinion regarding certain issues. The understanding of metaphor can serve as a guide to the understanding of students essays. Understanding of the text also provides the key to understand metaphor. Elements such as motivation, emotion, experience and culture helps a person to build metaphors and perceives its meaning.

Metaphoric competency shows various characteristics of a person such as level of thinking and this information will be useful for teachers to understand their

students better. Through Hermeneutic analysis, ontological metaphors contributes multi-language functioning of human understanding.

From this research, it is found that the understanding of the work as a whole gives the key to understand metaphor or in another word, metaphor is the microtext and the text as macrometaphor. Metaphors that is brought in the classroom will help the students educationally. This is because metaphors can instill values that will be supportive of notions of lifelong learning. Understanding and controlling their own learning process will give students power over their fates immediate and long term.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar belakang Kajian

Penulisan dan pemikiran tidak dapat dipisahkan. Penulisan mencerminkan pemikiran. Sesuatu hasil karya yang baik menggambarkan keupayaan pemikiran seseorang. Proses untuk menghasilkan bahan penulisan bukanlah merupakan satu proses yang spontan. Proses ini memerlukan organisasi mental secara sedar mahupun tidak sedar supaya para pelajar dapat berfikir dan seterusnya memilih serta mencatatkan ayat-ayat dan perenggan-perenggan dengan aturan tertentu bagi menggambarkan pemikiran mereka.

Ciptaan susunan dan gaya dapat melahirkan keutuhan wacana. Ini dapat diperkuuhkan lagi dengan memasukkan unsur metafora. Dalam penelusuran idea kepelbagaiannya penting untuk menampilkan pendapat atau konsep dengan berkesan. Penulisan yang dianggap ‘biasa’ tanpa daya penarik dari segi penggunaan perkataan, ayat, frasa dan susunan idea tidak akan dapat menawan hati pembaca. Di sinilah metafora perlu dihargai, kerana penggunaannya boleh menjadi penentu keberkesanannya sesuatu penulisan. Esei yang berkesan adalah esei yang berkualiti.

Minat terhadap kajian mengenai metafora dan unsur yang berkaitan dengannya seperti analogi dan simili semakin meningkat sejak dua puluh tahun

kebelakangan ini. Ini terbukti dengan penerbitan jurnal khas yang bertajuk 'Metaphor and Symbolic Activity' yang memuatkan pelbagai kajian yang berkaitan. Jurnal ini telah bertukar nama baru -baru ini kepada 'Metaphor and Symbol'. **George Lakoff dan Mark Johnson(1980)** menyatakan bahawa konsep manusia iaitu cara kita befikir serta beraksi adalah pada asasnya bersifat metaforikal . Mengikut kajian yang dibuat oleh **Pollio (1977)**, mendapati bahawa dalam masa seminggu seorang penutur biasa berbahasa Inggeris menghasilkan 9000 metafora. Setelah penggunaan internet semakin meluas ramai penggunanya mendapati kebanyakannya istilah penggunaan internet bersifat metaforikal. Contohnya istilah seperti lebuh raya maklumat ( information highway), jaring(web) dan pelancong cyber (cybertourist).Metafora dan pemikiran metaforikal sudah menjadi sebahagian daripada proses pemikiran dan pemelajaran di mana jarang kita prihatin terhadap peranannya.

Ada yang menganggap minda ini sama dengan perkembangan teknologi kini. Dalam kurun yang kebelakangan ini, minda ini disamakan dengan komputer. Mengikut Aristotle metafora disamakan dengan analogi dan menganggap fungsi metafora hanya sebagai penghias penulisan sahaja(Hester:1967). Mengikut ahli teori metafora kontemprori, metafora merupakan satu fenomena yang kompleks, tetapi menarik dan bersignifikan (Mooij:1976). Metafora merupakan teknik pemikiran yang menghubungkan dua maksud yang berbeza. Kunci kepada pemikiran metaforikal adalah persamaan. Minda manusia akan cuba mencari persamaan dalam segala hal.

Metafora wujud dengan meluas dan muncul dalam pelbagai bentuk komunikasi. Terlalu banyak penggunaan pemikiran logikal akan membantutkan proses kreativiti, jadi dengan penggunaan metafora kita dapat variasikan gaya pemikiran. Metafora mudah dikesan dalam perbualan harian, iklan, artikel, ucapan, falsafah, bidang sains, puisi dan sastera. Berikut disenaraikan beberapa contoh metafora.

- |                                |   |  |
|--------------------------------|---|--|
| Metafora di dalam iklan        | - | SWAN KIDS mewarnai Malaysia  |
| Metafora di dalam puisi        | - | Dialah ibu dialah bapa juga sahabat<br>Alur kesetiaan mengalirkan nasihat<br>Pemimpin yang ditauliahkan segala umat<br>Seribu tahun katanya menjadi hikmat<br><b>(Usman Awang: 1990)</b> |
| Metafora di dalam sastera      | - | Menjejak arus -tajuk novel( <b>Iswardy:1992</b> )  |
| Peribahasa sebagai metafora    | - | Berat mata memandang berat lagi bahu memikul   |
| Metafora di dalam ucapan       | - | Mereka yang merintis jalan ke arah perjuangan kemerdekaan  |
| Metafora di dalam pertandingan | - | Azam dan aspirasi menjadi pertaruhan<br><b>(Dunhill Piala Malaysia 1997)</b>   |

Di dalam penulisan, banyak terdapat unsur metafora. Contohnya serangkap daripada sajak Guru Oh Guru(**Usman Awang:1990**) yang keseluruhannya bersifat

metaforikal. Diterangkan jasa guru yang menerangi kehidupan orang lain dengan begitu berkesan sekali.

Begini bunyi rangkapnya

Dialah pemberi paling setia  
Tiap akar ilmu miliknya  
Pelita dan lampu segala  
Untuk manusia sebelum menjadi dewasa

(Usman Awang: 1990)

Mengapakah kita seringkali menggunakan metafora? Apakah kuasa yang ada pada metafora yang menarik perhatian pembaca? Bagaimanakah metafora dapat meningkatkan pemahaman serta memudahkan komunikasi? Menurut Pugh(1992) untuk menjadi seorang pemikir, penulis dan pembaca yang efektif kita perlu memahami kuasa metafora kerana ianya mempengaruhi pemikiran kita lebih daripada yang kita sangka.

Graham Low(1988) telah menyenaraikan tujuh fungsi utama metafora di dalam pembelajaran dan komunikasi seperti yang diperturunkan di bawah.

- i) membolehkan kita membincangkan perkara-perkara abstrak
- ii) menghubungkaitkan di antara pelbagai fenomena
- iii) metafora yang baru menyediakan perspektif terhadap ilmu yang baru atau dengan kata yang lain meningkatkan pengetahuan

- iv) melahirkan perasaan dengan lebih berkesan
- v) memantapkan sesuatu pendapat
- vi) mendapat celik akal ke atas apa yang belum diketahui.
- vii) menyatakan sesuatu yang tidak suka didengar seperti kematian secara tidak langsung dengan menggunakan metafora.

Metafora memainkan peranan yang penting di dalam bilik darjah. Iaitu dalam pembentukan minda pelajar serta perspektif mereka dalam melihat perkara baru dan lama. Menurut **Lantz dan Kass(1987)**, metafora mengayakan lagi perspektif kita dan penting dalam perkembangan kurikulum. **Novak(1983)** pula menekankan kepentingan metafora bagi para pelajar. Beliau menegaskan bahawa apa yang diketahui oleh seseorang pelajar biasanya sempit, kabur dan tidak mendalam. Menurut **Novak(1983)**, apabila dibawa masuk metafora ke dalam kurikulum, ini membolehkan pelajar membandingkan sesuatu fenomena dengan perkataan lain serta membentuk ‘peta minda’. Melalui cara ini pelajar akan mudah memahami pelajaran yang diajar.

**Williams(1983)** telah menyenaraikan beberapa kelebihan menggunakan metafora sebagai alat pengajaran. Seperti yang diperturunkan di bawah:-

- i) metafora lebih berkesan daripada kamus dalam memberi maksud kerana melalui metafora sesuatu konsep lebih jelas dan merangsangkan minda.
- ii) metafora boleh menerangkan sesuatu konsep dalam lingkungan pengalaman pelajar.

- iii) metafora sebagai suatu alat untuk mengorganisasi dan menyimpan maklumat.
- iv) guru dapat menilai pemahaman sesuatu konsep dengan lebih tepat dengan meminta pelajar menghasilkan metafora mereka sendiri.
- v) metafora mencadangkan pelbagai cara melihat sesuatu konteks, iaitu contohnya jika X seperti Y dalam cara ini, dan didapati Y adalah juga sama dengan Z, maka X boleh juga disamakan dengan Z.

Melalui kelebihan metafora yang dilihat tadi, jelas kepentingan metafora di dalam pendidikan, terutamanya di dalam penulisan. Pemikiran metaforikal perlu diasah dan dipupuk. Pemikiran sebegini dapat menghasilkan karya yang lebih menarik. Penulisan seringkali dianggap sebagai kemahiran yang sukar dikuasai. Adalah perlu bagi pelajar dan guru untuk memahami metafora dan seterusnya menghargai unsur ini di dalam bahasa. Ini dapat meningkatkan prestasi penulisan serta pemahaman.

Menurut **Ratcliff(1994)**, pelajar patut berfikir dan menulis secara metaforikal, iaitu memahami persamaan dan perhubungan dalam melahirkan idea, konsep, peristiwa seperti tingkah laku serta fenomena. **McQuade(1983)** pula menerangkan bahawa dengan membenarkan penulis membentuk imej dan konsep dalam bandingan, ini dapat memberi tanggapan baru kepada perkara yang kekadangnya tidak terlintas dalam kepala kita. Contohnya metafora membolehkan seseorang pelajar menerangkan perkara kecil dalam konteks besar. Beliau juga menegaskan iaitu pelajar mestilah berfikir secara metaforikal untuk merangsangkan

lagi pemikiran asas, mengekalkan sesuatu idea serta merekodkan pemerhatian dalam bidang penulisan.

Di dalam kajian ini pengkaji memilih Analisis Hermeneutik untuk menginterpretasi eseи-eseи pelajar serta pendapat Ricoeur(1977) mengenai metafora.. Pendekatan Hermeneutik digunakan untuk membongkar unsur-unsur yang tersurat dan tersirat yang biasanya tidak disedari oleh pembaca. Vandenberg(1976) menyatakan pendapat bahawa Pendekatan Hermeneutik sesuai digunakan dalam bidang pendidikan serta memudahkan pemahaman perkara yang lama dan baru. Perkara yang lama boleh dilihat dalam konteks yang baru dan ini menjadikan pemahaman lebih efektif.

Menurut Thompson(1990), Ricoeur juga menegaskan yang Hermeneutik mementingkan interpretasi. Apabila analisis Hermeneutik di gunakan di dalam teks, seseorang pengkaji berhubung dengan autonomi teks tersebut. Autonomi teks di sini merangkumi aspek niat penulis, situasi penulisan serta pembaca. Ricoeur juga menambah bahawa analisis Hermeneutik dapat meningkatkan pemahaman seseorang daripada tahap subjektiviti kepada tahap ontologikal. Penggunaan analisis Hermeneutik ini dapat membongkar serta mendalami eseи individu dengan memberi tumpuan kepada maksud yang tersirat. Di dalam kajian ini tumpuan khusus akar diberikan kepada penguasaan pemikiran metaforikal. Serta keberkesanannya dalam bidang penulisan dan pemahaman.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pemikiran metaforikal serta kepentingannya di dalam pendidikan masih tidak tertonjol lagi di Malaysia. Di negara ini metafora hanya dibincangkan di dalam buku-buku sastera serta hanya meniti di bibir guru dan pelajar sastera sahaja. Kesedaran mengenai kepentingan serta keberkesanan pemikiran metaforikal atau penggunaan metafora dalam segala aspek pembelajaran boleh membantu pelajar menjadi seorang pemikir dan penulis yang baik.

Banyak rungutan yang didengar daripada guru-guru bahasa bahawa esei pelajar membosankan, olahan kabur serta kurang isi. Ada juga pelajar yang mengemukakan hujah yang tidak menyakinkan dengan memberikan contoh yang tidak konkret. Melalui penyelidikan ini para guru akan dapat satu alternatif dalam membaiki penulisan pelajar. Ini adalah juga satu cara untuk memupuk daya kreativiti dan imaginasi pelajar. Kesedaran mengenai kesan penggunaan metafora di dalam esei bukan dapat membantu guru bahasa sahaja malah guru-guru daripada bidang yang lain juga boleh memanfaatkan hasil kajian ini. Contohnya bagi seorang guru komputer istilah-istilah internet seperti lebuh raya dan jaring bersifat metaforikal oleh itu kesedaran guru ini mengenai kepentingan pemikiran metaforikal adalah penting.

Melalui kajian ini para guru boleh mengetahui kepentingan metafora. Kesan metafora serta kuasa metafora di dalam penulisan juga dapat didalami. Hasil daripada kesedaran guru, mereka bolehlah mengajar penggunaan metafora di dalam penulisan secara langsung atau tidak langsung di dalam kelas. Melalui kajian ini juga para guru dapat mengesan niat pelajar, serta pandangannya terhadap sesuatu isu. Pelbagai perspektif digunakan oleh pelajar dalam menafsirkan sesuatu tajuk. Atas dasar ini dapatlah seseorang guru memahami pelajar dengan lebih dekat lagi terutama sekali dengan bantuan metafora yang digunakan dalam penulisan. Melalui penafsiran serta penghasilan metafora oleh pelajar, seorang guru dapat mengesan kreativiti serta daya pemikiran seseorang pelajar.

Kajian ini dapat membantu para guru untuk menghargai metafora serta menggalakkan penggunaannya di kalangan pelajar terutama sekali di dalam penulisan sebagai satu cara mengasah bakat , minda serta membolehkan pelajar bersikap ekspresif . Dalam bahasa bukan literal seperti metafora, penutur menyatakan perasaan atau pendapat secara bandingan atau persamaan. Bagi para guru untuk mengetahui maksud yang sebenar perlulah dilakukan interpretasi. Interpretasi metafora melibatkan elemen yang tersirat. Perkara yang tersirat perlu dibongkar dalam usaha mencari penjelasan.

Ramai pendidik yang kurang sedar mengenai keupayaan metafora. Hasil daripada kajian ini juga dapat disedarkan bahawa metafora sebenarnya merentas

kurikulum. Metafora dapat menggambarkan pemikiran seseorang. Bagi seorang guru melalui metafora dapat dinilai tahap pemikiran pelajarnya. Metafora bukan hanya melambangkan penggunaan bahasa malahan menggambarkan budaya dan cara komunikasi seseorang pelajar. Metafora juga dapat membantu seseorang pelajar dan guru untuk mendapatkan maklumat baru.

Ramai di kalangan guru yang kurang mengetahui mengenai maklumat-maklumat yang boleh dibongkar melalui metafora. Melalui hasil kajian ini perkara-perkara penting yang mendasari penglahiran dan penggunaan metafora dapat dijelaskan. Bagi diri pelajar, pemahaman mengenai sesuatu konsep dapat dinilai melalui penghasilan metafora.

### 1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada pengesanan dan pentafsiran pemikiran metaforikal di dalam esei pelajar. Kajian ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada jenis-jenis metafora dan unsur-unsur yang mendasari penglahirannya malahan meneroka ke arah metafora sebagai kunci pemahaman esei. Tumpuan juga akan diberikan kepada peranan metafora dalam memantapkan esei.

Metafora yang terdapat di dalam eseai pelajar dilihat dan dianalisis dari segi struktur dalaman dan struktur luaran . Melalui penelitian struktur dalaman dan struktur luaran niat psikologi seseorang terhadap sesuatu isu dapat dikesan dan secara tidak langsung mencerminkan keperibadian seseorang pelajar. Ini membantu guru memahami pelajar dengan lebih dekat lagi.

Kajian ini juga memperlihatkan kepentingan metafora di dalam bidang pemelajaran. Penggunaan metafora di dalam penulisan dapat mengasah bakat, minda serta membolehkan pelajar bersikap ekspresif.

Melalui aplikasi analisis Hermeneutik, para guru dapat memahami serta menilai diri pelajar dengan lebih mendalam lagi sesuai dengan pemahaman Hermeneutik yang bersifat berulang-ulang. Setiap isi boleh dilihat melalui tata tingkatnya. Melalui pengalaman pengesahan isi oleh guru, kelemahan pelajar dapat dikesan dan boleh diatasi.

Ciri Hermeneutik yang bersifat fenomenologikal (Loganathan:1996) membolehkan guru mendalami hasrat yang ingin disampaikan oleh pelajar yang juga menggambarkan sikap serta persepsi mereka terhadap dunia dan masyarakat di dalamnya. Selain daripada persepsi secara fizikal, persepsi terhadap perkara-perkara tahap sedar dan pengalaman dapat diberi makna dan mengayakan lagi pengalaman guru untuk membantu pelajar ke arah kecemerlangan dalam bidang penulisan khasnya sert

dunia pendidikan amnya. Setiap individu berbeza secara bandingan dengan yang lain. Jika digunakan teori-teori tertentu untuk melihat tahap pemikiran pelajar adalah dirasakan tidak sesuai dari segi tahap umur, persekitaran, budaya dan sikap individu itu sendiri. Dari itu ciri fenomenologikal mempunyai kelebihan dalam mengupas dan menilai tahap pemikiran para pelajar.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Penyelidik menggunakan persoalan kajian sebagai ganti hipotesis. Ini selari dengan metodologi yang digunakan iaitu Analisis Hermeneutik. Persoalan-persoalan ini akan menjadi panduan kajian. Persoalan kajian adalah seperti berikut:-

- Apakah jenis-jenis metafora serta unsur yang mendasari penglahirannya ?
- Sejauhmanakah metafora menggambarkan niat penulis serta ciri-ciri keperibadian?
- Sejauhmanakah metafora menjadi kunci pemahaman untuk sesuatu teks?
- Sejauhmanakah metafora menyumbang ke arah kemantapan eseи?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Di dalam kehidupan seharian, banyak perkara baru yang kita pelajari. Perkara baru ini biasanya kita bandingkan atau kita hubungkan dengan pengalaman lepas. Perbandingan merupakan sifat utama metafora. Metafora yang sudah sebatik dalam kehidupan seharian perlu mendapat perhatian. Kepentingan serta keberkesanannya banyak membantu dalam bidang pendidikan di mana setiap hari pelajar mendapat informasi baru.

Pengetahuan mengenai metafora terutamanya di dalam bidang penulisan yang dapat dimanfaatkan oleh guru dan pelajar. Kajian ini juga dapat memberi celik-akal kepada para pelajar, iaitu satu cara praktikal untuk memantapkan lagi penulisan. Untuk para guru pula satu cara yang baru dan praktikal menjadi alternatif dalam menafsirkan eseи serta memahami tahap penguasaan bahasa pelajar. Apabila mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat metafora yang wujud dalam eseи, seseorang guru, dapat memahami diri pelajar dengan lebih dekat lagi.

Analisis hermeneutik yang bersifat fenomenologikal merupakan satu alternatif untuk diaplikasikan di dalam bidang penulisan serta bahasa. Bahasa dan penulisan bersifat ekspresif serta reflektif. Hasil yang bersifat begini adalah sesuai dilihat melalui kacamata hermeneutik. Biasanya apa yang kita sebutkan bukannya apa yang kita maksudkan, dan semua ini perlu diinterpretasikan. Interpretasi dalam mengambil kira ciri-ciri fenomenologikal iaitu situasi semulajadi atau asal menjadi sat-

alternatif dalam mengesan niat penutur atau penulis. Melalui pengesanan pelajar, kita dapat menilai dan mengkaji keadaan psikologi pelajar. Keadaan ini dapat membantu guru memahami dan mengetahui tahap keupayaan penulisan pelajar. Pengalaman memainkan peranan dalam penghasilan metafora. Pengalaman adalah bersifat fenomenologikal. Pengalaman yang dialami adalah berbeza-beza mengikut persekitaran. Melalui aplikasi analisis Hermeneutik pengalaman pelajar dapat dibongkarkan dan pengetahuan ini membantu guru memahami pelajar dan mengatasi masalah-masalah bahasa dan penulisan yang berkaitan dengannya.

Kebanyakan daripada kita hanya menganggap metafora sebagai ising atas kek sahaja. Iaitu hanya sebagai penghias, atau pelakon pembantu sahaja tetapi gagal menyedari bahawa ianya juga boleh menjadi pelakon utama . Metafora baru dibina atas metafora lama dan setiap metafora menghasilkan maksud yang baru bagi seseorang mengikut selera serta pemahaman masing-masing. Melalui kajian ini anggapan yang metafora hanya sebagai bahasa berbunga serta berfungsi sebagai perbandingan sahaja dapat dikikis sedikit sebanyak. Banyak perkara yang ditimbulkan oleh metafora seperti pemikiran, pandangan, kreativiti, imaginasi, perasaan, hasrat dan juga cita-cita. Tidak dinafikan , bidang penulisan penuh dengan ranjau. Satu cara untuk mengatasi dan melepasi ranjau ini adalah dengan penguasaan pemikiran metaforikal yang membantu melahirkan kreativiti di mana kreativiti ini menjadi asas penulisan. Pemikiran metaforikal merupakan aset penting untuk melahirkan pelajar yang dinamis dalam melahirkan pendapatnya .

## 1.6 Batasan Kajian

Di antara batasan kajian ini adalah :-

- i) Esei yang dianalisa hanya terdiri daripada pelajar tingkatan 4 Sek.Men.Teknik Arau sahaja pada tahun 1997. Hasil kajian hanya membayangkan pemikiran metaforikal segolongan pelajar pada tahap tertentu sahaja.
- ii) Data diambil daripada pelajar Melayu sahaja kerana 98 peratus pelajar adalah pelajar Melayu
- iii) Semua pelajar terdiri daripada pelajar lelaki sahaja . Hasil dapatan kajian tidak boleh merangkumi corak pemikiran pelajar perempuan yang biasanya dikatakan lebih ekspresif.
- iv) Pelajar mula menulis esei di dalam kelas dan boleh membawa pulang esei ini untuk menyelesaiannya. Semasa membawa pulang ada kemungkinan pelajar meniru esei yang diberikan daripada buku atau sumber yang lain. Untuk kajian ini pengkaji hanya ingin melihat jenis-jenis metafora, penggunaannya serta niat penulis terhadap esei yang ditulis.
- v) Penggunaan analisis Hermeneutik merupakan satu alternatif sahaja dalam melihat penguasaan bahasa seseorang pelajar dan ianya lebih bersifat psikologi. Iaitu pendekatan ini tidak mementingkan ejaan serta tatabahasa. Penggunaan metafora serta makna disebaliknya amat dipentingkan.

## 1.7 Definisi Istilah

### Pemikiran Metaforikal

Di dalam kajian ini penulis akan menggunakan definisi pemikiran metaforikal oleh Ricoeur seperti yang terdapat di dalam bukunya **The Rule of Metaphor(1977)**. Menurut Ricoeur(1977) , metafora bukan sahaja bersifat perbandingan tetapi juga merupakan unsur yang menunjukkan keadaan realiti. Untuk melihat pemikiran metaforikal seseorang perlulah metafora itu diinterpretasi terlebih dahulu. Metafora perlu diinterpretasikan untuk mendapat maksudnya dengan lebih jelas. Pemahaman keseluruhan teks bergantung kepada metafora di mana metafora bertindak sebagai ‘cetusan imaginasi’ untuk ‘berfikir lebih’ pada tahap konseptual. Cabaran untuk ‘berfikir lebih’ pada tahap konseptual adalah ‘nadi’ untuk interpretasi. Ricoeur(1977) juga menambah yang ekspresi metaforikal penting untuk perkembangan konseptual, ini selaras dengan pernyataan beliau di mana simbol menjadi mangkin untuk pemikiran. Satu daripada pendapat Ricoeur yang popular adalah metafora ialah sejenis mikroteks dan teks adalah makrometafora. Pemikiran metaforikal menggambarkan pemahaman terhadap sesuatu dominasi secara bandingan dengan dominasi yang lain.

### Simili

Simili merupakan pemakaian kata untuk menunjukkan perbandingan dan perbezaannya dengan metafora . Simili adalah penggunaan kata “seperti” serta ‘bak’.

Contoh: Dia bertarung seperti singa (simili). Dia adalah singa. (metafora)

## **Metonimi**

Metonimi merupakan perbandingan untuk fenomena yang kompleks. Contohnya ‘kolar biru’ bagi mereka yang bekerja di kilang dan ‘kolar putih’ untuk mereka yang bekerja di pejabat.

## **Analogi**

Walaupun sukar untuk membuat satu perbezaan yang ketara antara metafora dan analogi tetapi biasanya analogi dianggap sebagai bersifat logikal dan bukannya imaginatif. Analogi biasanya digunakan dalam bidang sains untuk menerangkan persamaan struktural. Contohnya Leodarno Da Vinci mencipta kapal terbang setelah mengamati cara burung terbang dan Alexander Graham Bell mencipta membrane telefon setelah melihat membrane telinga manusia.

## **Simbol**

Simbol telah mendapat tempat di kalangan budaya dan sistem komunikasi. Suatu simbol boleh juga menjadi metaforikal. Contohnya simbol lampu merah yang menandakan ‘berhenti’ dan cincin perkahwinan yang melambangkan ikatan suami isteri.

## **Imageri**

Imageri atau imej meliputi lukisan, gambar ,idea ,replika dan bayangan. Dalam penulisan menurut Welleck dan Warren(1988), metafora sememangnya sukar dipisahkan daripada imageri. Imageri meliputi bahasa figuratif yang besar dan metafora hanyalah salah satu aspek imageri. Biasanya metaforalah yang merangsangkan imageri.

## **Onto-Enigma**

Dalam analisis hermeneutik keadaan kekaburan yang dialami oleh seseorang dikenali sebagai onto-enigma. Biasanya usaha pemahaman ini diteruskan agar dapat melepas lingkungan kekaburan ini.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Di dalam bab ini pada mulanya akan dilihat perkembangan bahasa seperti yang dikemukakan oleh Chomsky(1972). Seterusnya dibincangkan pula tahap perkembangan kognitif yang berhubung dengan pemikiran metaforikal seperti yang dikemukakan oleh Piaget dan Bruner. Ini diikuti dengan persoalan metaforikal yang telah ditimbulkan oleh beberapa pengkaji metafora yang dirasakan perlu dipaparkan untuk memahami dengan lebih lanjut lagi mengenai fungsi metafora. Fungsi metafora dihubungkan dengan disiplin yang lain seperti sains, komunikasi, budaya dan komputer. Seterusnya akan dilihat pelbagai teori metafora termasuklah teori metafora yang dikemukakan oleh Ricoeur(1977) yang menjadi asas kajian ini.

#### 2.2 Teori Perkembangan Kognitif

Apabila diperkatakan mengenai pemikiran, metafora, bahasa dan penulisan, tidak lengkap dirasakan jika tidak dibicarakan cabang yang meliputi keempat-empat bidang di atas iaitu sains kognitif. Mengikut Bruner(1990), sains kognitif membolehkan manusia mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai aspek bahasa yang menjadi satu misteri pada ketika itu. Banyak persoalan yang masih belum mendapat jawapannya. Bidang sains ini semakin meningkat momentumnya.

Mengikut ahli teori sains kognitif bahasa bukannya lagi penemuan atau pertembungan dari segi budaya atau persekitaran. Ia dikatakan bermula daripada naluri manusia. **Chomsky(1972)** menjelaskan teori mengenai bahasa berdasarkan pernyataan ini. Beliau adalah pakar linguistik yang membongkarkan rahsia sistem pemikiran dan orang yang bertanggungjawab terhadap revolusi moden dalam bidang bahasa dan hubungannya dengan sains kognitif.

**Chomsky(1972)** memperkenalkan dua dasar utama mengenai bahasa iaitu bahasa bukannya dikuasai hanya semata-mata dengan pengulangan sahaja. Beliau menyatakan bahawa setiap perkataan yang difahami atau yang diutarakan oleh manusia adalah satu kombinasi baru perkataan yang unik. Ini menunjukkan yang minda kita mempunyai satu program yang sedia ada agar membolehkan kita membina satu set perkataan yang tidak terhad. Ini dikenali sebagai ‘tatabahasa minda’(grammar mind).

Dasar kedua mengenai bahasa yang diutarakan oleh **Chomsky(1972)** adalah perkembangan tatabahasa dalam diri kanak-kanak. Di mana didapati perkembangan ini berjalan dengan cepat dan secara semulajadi tanpa pengajaran yang formal. Mereka membesar dengan memberi tafsiran yang berterusan kepada struktur ayat yang belum pernah mereka kenali. **Chomsky(1972)** menegaskan bahawa kanak-kanak mestilah mempunyai satu set tatabahasa semulajadi yang boleh manipulasikan semua bahasa.

Setelah meneliti apa yang dikatakan oleh Chomsky(1972) bahawa perkembangan bahasa dalam diri kanak-kanak wujud secara semulajadi, adalah tidak terlaluan jika dikatakan pemikiran metaforikal juga sudah wujud dalam diri kanak-kanak sejak awal lagi. Ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak memahami sesuatu konsep secara bandingan(Billow:1975). Tahap perkembangan bahasa perlu diketahui agar pemahaman terhadap keupayaan berbahasa di kalangan para pelajar yang berumur 16 tahun dapat difahami. Manipulasi bahasa sememangnya sudah dikuasai oleh pelajar yang mempelajari bahasa secara formal di sekolah selama sembilan tahun. Kesedaran mengenai kepentingan metafora di dalam penulisan perlu ada agar para pelajar dapat memanfaatkan kemahiran berbahasa sepenuhnya.

Setelah mengetahui bahawa pemikiran metaforikal wujud secara semulajadi seterusnya dilihat pula pada tahap umur manakah pemikiran metaforikal ini boleh dikesan mengikut teori Piaget(1977) dan Bruner(1990). Teori Jean Piaget(1977) mengenai tahap pemikiran kanak-kanak perlu disebutkan di sini kerana teori ini masih lagi popular hingga sekarang. Idea Piaget(1977) ini menjadi popular selepas beberapa dekad kemunculannya iaitu pada tahun 1960an. Seorang warganegara Amerika tetapi menjalankan kajiannya di Geneva, Switzerland. Beliau mengemukakan teori perkembangan kanak-kanak ini dengan begitu logik dan rasional.

Teori perkembangan kanak-kanak ini iaitu termasuk tahap pemikiran mereka masih dirujuk oleh ahli matematik, psikologi, pendidik serta pakar fizik kerana teori ini meliputi satu jarak masa yang luas iaitu dari bayi sehingga remaja(Pinker:1994).

Piaget(1977) membahagikan tahap perkembangan kanak-kanak ini kepada empat tahap yang berlainan. Tahap-tahapnya adalah seperti berikut:-

- a. tahap sensori motor(sejak lahir - 2 tahun)  
tiada pemikiran abstrak
- b. tahap pra-operasi(2-5 tahun)  
perwakilan pemikiran(representational thinking)
- c. tahap operasi konkrit(5-12tahun)  
memahami sesetengah logik
- d. tahap operasi rasmi(12 ke atas)  
logik yang lebih canggih

Mengikut Piaget(1977) perkembangan bahasa oleh kanak-kanak dibentuk pada tahap operasi konkrit iaitu apabila kanak-kanak mula membentuk keupayaan untuk pemikiran simbolik. Tahap umur pada ketika ini adalah 7-11 tahun. Kanak-kanak pada tahap ini dikatakan mempunyai pemikiran metaforikal mengikut kajian yang dibuat oleh Billow(1975) dan juga Cometa dan Eson (1978). Mereka mendapati pada tahap pra-operasi kanak-kanak dalam lingkungan 2-5 tahun tidak dapat memahami dan menafsirkan metafora. Keupayaan untuk memahami dan menafsirkan

metafora semakin bertambah pada tahap rasmi. Pemikiran metaforikal berkembang pada tahap ini sesuai dengan apa yang dicadangkan oleh Piaget iaitu tahap perkembangan mod abstrak.

Seorang lagi pengkaji perkembangan kanak-kanak iaitu Bruner(1990) membahagikan tahap perkembangan kanak-kanak seperti berikut.

a.mod eratik

pada tahap ini pengetahuan diwakili oleh perilaku motor (schemata of motor acts)

b.mod ikonik

pengetahuan diwakili dalam bentuk bayangan atau gambar

c.mod simbolik

pengetahuan diwakili dengan simbol iaitu idea yang abstrak atau pengetahuan konkret

Apabila diteliti mod-mod yang dikemukakan oleh Bruner(1990) didapati pemikiran metaforikal wujud pada tahap mod simbolik. Teori perkembangan kognitif Bruner(1990) berbeza dengan Piaget(1977) iaitu mereka mempunyai konsep yang berlainan dalam apa yang menentukan perkembangan mental. Bagi Piaget(1977) perkembangan bahasa ditentukan oleh tahap semulajadi kanak-kanak, manakala mengikut Bruner(1990) kita tidak perlu begitu rigid dengan pembahagian tahap umur ianya boleh jadi lebih cepat atau sebaliknya.

Secara kesimpulannya mengikut Piaget(1977) seseorang dilahirkan dengan beberapa skema(schemata) sensorimotor. Skema-skema ini akan menentukan bagaimana seseorang bayi yang baru dilahirkan itu berinteraksi dengan persekitaran fizikal. Skema merupakan satu plan atau satu rangka tindakan yang tersimpan di dalam ingatan individu. Ia merupakan satu komponen struktur kognitif. Ia memberi potensi kepada kanak-kanak tersebut untuk bertindak dengan cara yang tertentu dalam keadaan pelbagai dan tindakan ini boleh dimanifestasikan secara implisit atau eksplisit.

Semakin kanak-kanak itu membesar dan berinteraksi dengan persekitarannya secara berterusan, semakin banyak pengalaman baru yang ditemui. Piaget (1977)mencadangkan kanak-kanak itu akan menemui pengalaman-pengalaman baru ini dengan dua cara iaitu asimilasi dan akomodasi . Dengan cara asimilasi ia bermaksud struktur kognitif yang sedia ada menetapkan sempadan mengenai apa yang boleh diasimilasikan atau diterima secara langsung.

Dengan lain perkataan, hanya persekitaran fizikal yang sepadan dengan struktur kognitif akan diasimilasikan dan keadaan fizikal yang lain akan diabaikan. Pemikiran tidak terlibat dengan asimilasi hanya mengulangi pengetahuan- pengetahuan yang sedia ada dengan menyerapkan pengalaman yang sama itu dengan struktur kognitif yang sedia ada. Di sini tidak dapat dinafikan peranan persekitaran dalam membentuk pemikiran. Begitu juga dengan pemikiran metaforikal yang dapat mencerminkan budaya dan masyarakat(Pugh: 1992).